



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

# **PERHIMPUNAN KORPORAT MPSP Bil 2 / 2018**

**20 JULAI 2018 (JUMAAT)**

**8.45 PAGI**

**Terima kasih Saudara Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MPSP

**En. Mohd. Tahir bin Othman**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**En. Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**En. Mohamad Nizam bin Md Shariff**  
Yang Dipertua PERMAI

**Pn. Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Jurubahasa Isyarat**

**Rakan-rakan Media**

**Seluruh Kakitangan MPSP**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Di pagi yang barakah ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Puan Ir Hjh Rosnani, Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Wakil-Wakil Persatuan, Rakan-Rakan Media dan seluruh kakitangan yang hadir pada pagi ini. Izinkan saya mengambil sedikit waktu bekerja tuan-tuan dan puan-puan untuk mendengar kata-kata, santapan rohani pagi dan harapan saya pada hari ini.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada pagi ini dalam Perhimpunan Korporat yang ke dua pada tahun ini, kita dapati terdapat wajah-wajah baru dalam jawatan Ahli Majlis MPSP. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik, malahan mereka adalah generasi pertama yang dilantik untuk memegang jawatan selama tempoh 18 bulan. Untuk makluman semua, Ketua-Ketua WHIP yang dilantik di kalangan Ahli-Ahli Majlis adalah:-

- ④ Encik David Marshel A/L Pakianatahn (DAP)
- ④ Puan Shuhada Binti Abdul Rahim (PKR)
- ④ Encik Zulkiply Bin Ishak (AMANAH)
- ④ Encik Aziss Bin Zainal Abidin (PPBM)

Saya berharap semua kakitangan MPSP samada di ibu pejabat, pejabat cawangan atau lapangan dapat memberi kerjasama yang padu kepada semua Ahli Majlis samada yang baru atau telah lama dilantik. Marilah kita bekerja sebagai satu pasukan yang mantap untuk memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat untuk menjadikan Seberang Perai bandar pintar dan bertaraf antarabangsa.

Ribuan terima kasih juga diucapkan atas sumbangan yang telah diberikan oleh semua Ahli Majlis sebelum ini yang selama berkhidmat di MPSP telah banyak bekerjasama dalam membantu menggubal dasar dan garis panduan MPSP, menyumbang idea serta komen yang bernas dalam semua jawatankuasa-jawatankuasa yang dihadiri serta membantu melaksanakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022. Jasamu akan sentiasa dikenang sepanjang masa dan MPSP sentiasa mengalu-alukan pandangan serta komen yang bernas untuk kebaikan semua pihak.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Di kesempatan ini juga, saya mewakili MPSP ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada semua kakitangan yang telah menerima pingat pada 16 Julai 2018 yang lalu.

Sebanyak empat (4) orang kakitangan kita telah menerima Pingat Bintang Cemerlang Negeri (BCN), iaitu Puan Setiausaha Perbandaran, Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod; dan tiga (3) Ketua Jabatan, Encik Mat Nasir Bin Hassan, Puan Norliza Binti Abdullah dan Cik Noorhanis Binti Noordin; Tuan Haji Khirul Bin Shamsudin menerima Pingat Kelakuan Terpuji (PKT); empat belas (14) orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK); dan 24 orang telah menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) termasuk sembilan (9) orang daripada petugas 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Tahniah juga kepada bekas Ahli Majlis kita, Dr. Tiun Ling Ta yang telah memperolehi Pingat Darjah Johan Negeri.

Saya sebagai Yang Dipertua berasa bangga kerana sebanyak 43 orang kakitangan saya yang menerima pingat kali ini atas semua usaha keras tuan-tuan dan puan-puan selama ini kepada rakyat Seberang Perai. Jangan lunturkan semangat anda, teruskan bekerja dengan dedikasi dan disiplin. Saya juga berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menjadi

pendorong kepada rakan-rakan yang lain untuk turut sama menjadi kakitangan yang hebat.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Bulan Julai adalah bulan meraikan MPSP. Pada 28 Julai 2018, MPSP akan mengadakan Sambutan Hari Majlis yang ke 44. Umur MPSP sekarang telah mencecah 44 tahun dan pelbagai pahit, manis yang telah kita alui sepanjang berkhidmat dengan MPSP. Ada yang masih berkhidmat, ada yang telah pencen dan ada juga yang telah meninggal dunia. Bermula daripada tahun 1974 sehingga kini, sebanyak dua puluh (20) orang Yang Dipertua telah dilantik menerajui MPSP.

Pelbagai kejayaan telah kita kecapi sepanjang lahirnya MPSP dan kini MPSP bukan hanya dikenali di Malaysia bahkan juga di peringkat antarabangsa. Pelbagai anugerah yang telah kita sandang dari dalam dan luar negara di mana pada tahun ini (2018) sahaja iaitu pada 2 Februari 2018, kita telah menerima Sijil *Malaysia Book of Records* kerana menjadi Agensi Kerajaan yang pertama menerima tujuh (7) Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 50001:2011, OHSAS 18001:2007, 5S - QUALITY ENVIRONMENT MANAGEMENT SYSTEM , ISO/IEC 27001:2013 & ISO 37001:2016).

MPSP juga dipanggil untuk berkongsi pengalaman dan *best practices* di dalam dan luar negara. Di antara program-program yang dihadiri oleh pegawai-pegawai MPSP adalah:-

1. Seminar '*Best Practices*' Majlis Bandaraya Alor Setar 2018 pada 26 Jun 2018 di Alor Setar di mana Yang Berusaha Pn. Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod, Setiausaha Perbandaran telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Anugerah Persijilan ISO Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)"
2. *4th Asia-Pacific Regional Forum on Smart Sustainable Cities and E Government With ITU* yang dianjur WeGO pada 3 hingga 8 Julai 2018 di Thanh Hao City, Vietnam di mana saya telah membentangkan kertas kerja bertajuk "*4th Asia Pacific Regional Forum On Smart Sustainable Cities and E-Government*".
3. *World Cities Summit & Mayors Forum Singapore 2018* anjuran Centre for Liveable Cities Singapore pada 7 hingga 11 Julai 2018 di mana Cik Noorhanis Binti Noordin, Pengarah Bangunan mewakili saya sebagai panelist di dalam World

Cities Summit Mayors Forum dengan tajuk '*Liveable and sustainable cities: embracing the future through innovation and collaboration*'.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua Jabatan MPSP yang terlibat dan juga kakitangan-kakitangan MPSP yang telah bertungkus lumus untuk mengerakkan perkhidmatan MPSP kepada rakyat.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Tahun ini sambutan Hari Majlis adalah dengan azam baru untuk menjadikan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi. Visi ini dapat dicapai sekiranya MPSP dapat menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai. Dengan adanya visi dan misi yang jelas, saya yakin Seberang Perai akan dapat menjadi sebuah bandar yang rendah karbon dan bandar pintar menjelang tahun 2022. Secara tidak langsung, penduduk Seberang Perai akan mendapat faedah secara langsung dengan penjimatan sebanyak 23 billion.

Penjimatan perbelanjaan penduduk Seberang Perai boleh digunakan untuk berbelanja atau membuat tabungan. Oleh itu, wawasan untuk

mencapai bandar rendah karbon bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar malahan ianya boleh menjana ekonomi serta meningkatkan taraf hidup penduduk Seberang Perai.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada 13 Julai 2018, MPSP telah berjaya menganjurkan Program *Hackfest*. Program *Hackfest* MPSP 2018 merupakan program yang julung kalinya dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Tahniah dan syabas kepada Jabatan Teknologi Maklumat MPSP kerana telah berjaya menyahut cabaran saya dan menganjurkan program ini. Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada semua petugas daripada pelbagai jabatan yang terlibat yang sanggup meluangkan masa dan waktu bersama keluarga mereka pada hujung minggu tetapi berada dalam bangunan MPSP melaksanakan tugas masing-masing. Sebanyak 50 peserta yang terlibat daripada dua belas (12) kumpulan. Program ini merupakan salah satu program dalam Keutamaan Strategik (*Strategic Priority*) SP05 iaitu Penerapan Teknologi Baru. Ianya melibatkan *engagement* di antara *stakeholders* dan MPSP dengan menggunakan pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* melalui 7P (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*).

Program *Hackfest* MPSP 2018 adalah merupakan salah satu perancangan atau komitmen MPSP untuk memacu Seberang Perai ke arah ‘*Smart City*’.

Saya berharap agar satu task force untuk menghasilkan pelan tindakan dapat dibentangkan dengan segera kepada saya dan semua Ketua Jabatan hasil daripada program tersebut untuk kita laksanakan penambahbaikan ke atas perkhidmatan kita selaras dengan prosedur sedia ada. Saya cadangkan ianya dibentangkan pada Mesyuarat Ketua Jabatan akan datang sebelum di bawa ke peringkat seterusnya.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Tahun ini, iaitu pada 7 hingga 15 September 2018, Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah buat pertama kalinya untuk Asia Pacific Masters Games (APMG). APMG adalah unik kerana tidak membabitkan proses kelayakan atau pemilihan hanya perlu mencapai umur tertentu dalam sukan pilihan masing-masing. Secara purata, usia minimum yang diperlukan untuk menyertai sukan ini adalah 30 tahun.

Acara ini dijangka menarik lebih daripada 5,000 peserta dari seluruh dunia dan daripada jumlah ini, kira-kira 60% atau 3,000 dijangka terdiri

daripada peserta dari luar negara. Terdapat 21 acara sukan yang dipertandingkan di 26 lokasi di seluruh negeri, termasuk Seberang Perai.

Sukan yang akan dianjurkan oleh APMG Penang 2018 ialah memanah, olahraga, badminton, bola keranjang, berbasikal, bola sepak, golf, hoki, tarian singa, bola jaring, menembak, softball, skuasy, renang, ping pong, taekwondo, tenis, boling, bola tampar, angkat berat dan wushu.

Di kesempatan ini, saya ingin menggalakkan semua Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai Pengurusan dan Profesional dan semua kakitangan MPSP untuk mendaftar diri bagi memilih sukan yang diminati bagi menyokong program Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini. Saya berharap agar kita dapat mencapai sasaran lebih kurang 200 peserta daripada MPSP sahaja.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Selama ini pelbagai usaha telah kita lakukan bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memelihara dan memulihara alam sekitar. Justeru, di sini saya ingin tegaskan supaya tuan-tuan dan puan-puan membawa bekas air bagi menghadiri sebarang program atau mesyuarat di MPSP. Malahan saya menyeru supaya kakitangan MPSP membawa

bekas air sendiri di mesyuarat dalaman atau program-program luar yang mereka hadiri sebagai teladan kepada penduduk Seberang Perai untuk meninggalkan tabiat menggunakan bekas plastik dan straw. Langkah ini bertujuan bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencegah penggunaan straw dan plastik pakai buang yang boleh menjelaskan hidupan laut. Pelbagai kes yang telah kita dengar berkaitan hidupan laut yang mati akibat tercekik plastik dan straw minuman. Marilah kita sama-sama mentransformasi fiziran dan tindakan kita demi kelestarian hari esok.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, tidak terlambat juga saya ingin ucapkan tahniah di atas pelantikan Encik Mohd Nizam Bin Md Shariff sebagai Yang Dipertua PERMAI yang baru. Saya berharap dengan pelantikan beliau dari kalangan golongan muda dapat memberi satu anjakan paradigma atau idea-idea baru bagi kebaikan semua ahli dan saya berharap agar PERMAI tidak hanya melihat persatuan ini sebagai satu badan agama yang menjurus kepada program-program keagamaan tetapi juga menjurus ke arah persatuan yang lebih terbuka dan sesuai dengan peredaran arus global sekarang ini.

Akhir kata, saya dengan ini ingin mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada semua ahli majlis yang baru dilantik serta penerima-

penerima pingat. Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita bagi mencapai hasrat Seberang Perai - Aspirasi Bandar Masa Hadapan.

**Dengan ini saya akhiri ucapan perhimpunan korporat ini dengan  
Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**